

1. Semua pelajar, termasuk penghuni asrama IBTE, hendaklah sentiasa **mematuhi segala peraturan** dan ketetapan yang ditetapkan oleh Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).
2. Pihak kampus **berhak** mengambil tindakan terhadap mana-mana pelajar yang melakukan kesalahan atau melanggar peraturan IBTE dan asrama. Tindakan yang diambil adalah berdasarkan kategori kesalahan, sama ada kesalahan ringan atau berat, seperti yang dinyatakan dalam Lampiran A, serta mengikut tatacara pelaksanaan tindakan disiplin yang terkandung dalam **Buku Panduan Disiplin Kampus dan Asrama, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), 2024**.
3. Sebarang tindakan disiplin yang dikenakan ke atas seseorang pelajar boleh menyebabkan pelajar tersebut **tidak layak** menerima sebarang anugerah atau pengiktirafan, serta boleh menjejaskan peluang untuk melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi.
4. Semua pelajar dikehendaki mengisi dan melengkapkan borang pengesahan (disediakan oleh pihak kampus) sebagai bukti bahawa mereka telah membaca, memahami, dan bersetuju dengan kandungan Perjanjian Kehadiran dan Disiplin Pelajar sepanjang tempoh pengajian di Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE).

KEHADIRAN PELAJAR SEPANJANG PENGAJIAN

1.0 TIDAK HADIR SEKOLAH

Setelah menjadi pelajar IBTE, saya hendaklah **memahami, mematuhi dan mengambil maklum** bahawa kegagalan hadir ke sekolah **tanpa sebab yang munasabah** akan dikira sebagai **TIDAK HADIR**.

Sekiranya ketidakhadiran pelajar adalah atas sebab-sebab munasabah seperti yang disenaraikan di bawah, **Ibu Bapa/Penjaga dikehendaki mengemukakan surat rasmi pemberitahuan** kepada **Pegawai Kesejahteraan Kampus** melalui **Ketua Kumpulan**, berserta **tandatangan Ibu Bapa/Penjaga**.

Sebab ketidakhadiran yang sah termasuk, tetapi tidak terhad kepada, perkara-perkara berikut:

a) Sakit

- Surat pemberitahuan sakit daripada Ibu Bapa/Penjaga mesti disertakan bersama resit pembayaran klinik atau hospital (Kerajaan atau Swasta).
- Surat pemberitahuan sakit **hanya diterima sebanyak TIGA (3) kali sahaja bagi setiap semester**.
- Tempoh cuti sakit yang dibenarkan adalah **tidak melebihi DUA (2) hari berturut-turut** bagi setiap permohonan.

- Sekiranya pelajar masih sakit selepas tempoh tersebut, pelajar dikehendaki mendapatkan Sijil Cuti Sakit (Medical Certificate) daripada Pegawai Perubatan / Doktor.
- b) Menghadiri perjanjian dengan Pegawai Perubatan / Doktor (Kerajaan atau Swasta)
 - c) Sakit dalam kalangan keluarga terdekat*
 - d) Cuti kematian (Ahli keluarga terdekat) – sehingga 3 hari kalendar;
 - e) Cuti bersalin - sehingga 14 hari kalendar;
 - f) Penyertaan dalam kejohanan / acara bagi mewakili Negara;
 - g) Menghadiri majlis atau pertandingan antara kampus, sekolah, maktab atau institusi;
 - h) Menghadiri prosiding Mahkamah Sivil atau Mahkamah Syariah;
 - i) Menunaikan ibadah haji;
 - j) Sebarang sebab yang dianggap munasabah oleh institusi, dengan disertakan surat sokongan, seperti calon persendirian menduduki peperiksaan serta ujian memandu.

NOTA:

* **Ahli keluarga terdekat** merujuk kepada **Ayah, Ibu, Suami, Isteri, Adik-beradik dan Anak sahaja.**

TANGGUNGJAWAB PELAJAR:

Sekiranya ketidakhadiran pelajar adalah atas sebab munasabah, pelajar hendaklah:

- Memaklumkan kepada Ketua Kumpulan dengan segera;
- Mengemukakan surat rasmi yang ditandatangani oleh Ibubapa/penjaga atau dokumen sokongan yang berkaitan (contohnya sijil cuti sakit atau surat rasmi) kepada Pegawai Kesejahteraan Kampus melalui Ketua Kumpulan; dan
- Memastikan segala tugas atau pembelajaran yang tertinggal diselesaikan mengikut tempoh yang ditetapkan.

2.0 LEWAT HADIR KE SEKOLAH

- a) Mana-mana pelajar yang hadir **kurang daripada tiga puluh (30) minit** selepas permulaan sesi pembelajaran berjadual hendaklah direkodkan sebagai **tidak hadir bagi sesi tersebut.**
- b) Mana-mana pelajar yang hadir **tiga puluh (30) minit atau lebih** selepas permulaan sesi pembelajaran berjadual hendaklah direkodkan sebagai **tidak hadir bagi hari tersebut.**

Pelajar hendaklah sentiasa hadir tepat pada waktunya dan mematuhi jadual waktu yang telah ditetapkan oleh pihak kampus. Kelewatan yang berulang tanpa alasan yang munasabah boleh menyebabkan tindakan disiplin diambil.

3.0 SURAT AMARAN

Surat amaran berkaitan masalah peratus kehadiran pada mana-mana bulan akan dikeluarkan selaras dengan peraturan, prosedur dan polisi yang terkandung di dalam buku panduan serta polisi bagi program-program yang berkenaan, antaranya:

- Dasar, Prosedur serta Garis Panduan Akademik yang berkaitan;
- *Procedures and Guidelines of Students' Work Placement*
- Buku Panduan Disiplin bagi Kampus dan Asrama

Pelajar hendaklah sentiasa memastikan tahap kehadiran memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak IBTE bagi mengelakkan tindakan tatatertib diambil.

Surat amaran akan dikeluarkan kepada pelajar sekiranya peratus kehadiran pada mana-mana bulan sepanjang tahun akademik adalah seperti berikut:

- **Kurang daripada 85%** bagi pelajar yang mengikuti pembelajaran secara *Institutional Based*; atau
- **Kurang daripada 95% / 100%** bagi pelajar yang menjalani *Student Work Placement*, tertakluk kepada keperluan program dan tempat latihan masing-masing.

AMARAN	TINDAKAN
PERTAMA	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Surat AMARAN PERTAMA akan dikeluarkan. ▪ Elaun akan ditahan untuk SATU (1) bulan bagi tujuan pemantauan.
KEDUA	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Surat AMARAN KEDUA akan dikeluarkan. ▪ Elaun akan ditahan untuk SATU (1) bulan bagi tujuan pemantauan.
KETIGA	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Surat AMARAN KETIGA akan dikeluarkan. ▪ Perjumpaan dengan Ibu bapa / Penjaga untuk menandatangani Perjanjian*. ▪ Elaun akan ditahan untuk tempoh TIGA (3) bulan bagi tujuan pemantauan. <p>* Sekiranya didapati kehadiran pelajar masih tidak memuaskan selepas perjanjian dibuat, pihak IBTE berhak mengambil tindakan memberhentikan pelajar daripada meneruskan pengajian di IBTE.</p> <p>TUNTUTAN OLEH PIHAK IBTE <i>Merujuk Perjanjian Pelajar, Fasal 5, Pelajar dan/atau Penjamin adalah bertanggungjawab untuk memulangkan kepada IBTE atas segala tuntutan segala wang yang telah dibayar kepada Pelajar atau bagi pihaknya termasuk dan tidak terhad kepada:</i></p> <ol style="list-style-type: none"> <i>Elaun-elaun pelajar;</i> <i>Segala wang lain atau mana-mana bayaran yang telah dipertanggungjawab oleh IBTE sama ada dalam bentuk yuran, kos-kos perjalanan atau secara lain yang berkaitan dengan Program Latihan;</i> <i>Sebarang tunggakan pembayaran yang dituntut oleh IBTE;</i> <i>Barang-barang yang dipinjamkan oleh IBTE kepada Pelajar; dan</i> <i>Apa-apa perkara lain yang difikirkan perlu untuk dituntut oleh pihak IBTE dari semasa ke semasa.</i>

Penting:

Sekiranya peratus kehadiran pelajar kurang daripada **lapan puluh lima peratus (85%)** secara keseluruhan sepanjang tempoh mengikuti program, pelajar akan **ditamatkan** pengajian.

DISIPLIN PELAJAR IBTE

Berikut merupakan senarai kesalahan disiplin yang ditetapkan oleh Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) sebagai panduan kepada semua pelajar serta ibu bapa/penjaga. Kesalahan-kesalahan ini dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Kesalahan Ringan dan Kesalahan Berat. Setiap pelanggaran yang dilakukan akan dikenakan tindakan disiplin selaras dengan peraturan dan garis panduan yang berkuat kuasa di IBTE.

Senarai ini bertujuan untuk memberikan kefahaman yang jelas mengenai tingkah laku yang tidak dibenarkan serta membantu dalam membentuk disiplin, sahsiah dan peribadi pelajar yang berakhlak mulia dan bertanggungjawab.

1.0 KESALAHAN RINGAN

- 1.1 Tidak hadir tanpa alasan yang munasabah;
- 1.2 Lewat hadir ke kelas, aktiviti atau program yang ditetapkan;
- 1.3 Ponteng kelas atau aktiviti pembelajaran;
- 1.4 Melakukan kesalahan dalam kawasan kampus atau asrama IBTE;
- 1.5 Melanggar peraturan pakaian dan penampilan diri;
- 1.6 Melanggar peraturan berkaitan rambut dan kekemasan diri;
- 1.7 Menyalahgunakan atau tidak mematuhi peraturan penggunaan bilik-bilik khas seperti makmal, pusat sumber, makmal komputer, bengkel dan perpustakaan;
- 1.8 Menyalahgunakan kemudahan tandas;
- 1.9 Melanggar peraturan berkaitan pinjaman peralatan atau kemudahan institusi;
- 1.10 Menyalahgunakan surat akuan belajar atau pas pelajar;
- 1.11 Tidak mematuhi peraturan berkaitan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum atau kegiatan tambahan;
- 1.12 Melanggar peraturan semasa lawatan yang dianjurkan oleh institusi;
- 1.13 Menampal, mempamerkan atau mengubah bahan pada papan kenyataan tanpa kebenaran;
- 1.14 Tidak mematuhi peraturan semasa perhimpunan rasmi kampus;
- 1.15 Melanggar peraturan penggunaan bas sekolah atau kenderaan yang disediakan oleh institusi;

- 1.16 Melanggar peraturan penggunaan kenderaan persendirian oleh pelajar;
- 1.17 Melakukan kesalahan lain dalam kawasan kampus yang tidak dinyatakan secara khusus di atas; dan
- 1.18 Apa-apa kesalahan ringan lain yang difikirkan sesuai oleh pihak IBTE untuk dikategorikan sebagai kesalahan ringan.

2.0 KESALAHAN BERAT

- 2.1 Membawa, menyimpan, memiliki, mengedar, menggunakan atau merokok produk tembakau, termasuk rokok elektronik (e-rokok/vape);
- 2.2 Menggunakan bahasa, bahasa isyarat, perkataan atau ungkapan yang kesat, lucah, menghina atau mengancam melalui apa jua medium, sama ada secara lisan, bertulis, mesej elektronik atau media sosial;
- 2.3 Melukis, menulis, menyimpan, membawa, mengedar, merakam, menghasilkan, mempamerkan, menonton atau memuat turun bahan lucah dalam apa jua bentuk;
- 2.4 Menipu, memalsukan maklumat atau dokumen, membuat tuduhan palsu, meniru tandatangan, memalsukan cap institusi atau kerajaan, serta apa-apa bentuk pemalsuan yang lain;
- 2.5 Membawa, memiliki, mengedar, menghasilkan atau meletupkan bahan letupan, termasuk mengajar atau memberi panduan mengenai cara pembuatan bahan letupan;
- 2.6 Menghalang, mengganggu atau menjejaskan kuasa dan tanggungjawab Pengetua, Ketua Sekolah, tenaga pengajar atau kakitangan IBTE dalam menjalankan tugas rasmi mereka;
- 2.7 Memandu kenderaan atau menunggang motosikal tanpa lesen memandu yang sah;
- 2.8 Membunyikan atau mengaktifkan alat amaran kecemasan tanpa sebab yang munasabah atau tanpa kebenaran.
- 2.9 Menulis, mengeluarkan atau menyebarkan kenyataan palsu melalui apa jua medium, termasuk secara lisan, pesanan ringkas (SMS), e-mel, surat, risalah atau media lain, dengan niat menipu atau memburukkan nama baik tenaga pengajar, kakitangan atau IBTE;
- 2.10 Membawa, memiliki, menyimpan, mengedar, menghasilkan, menjual, membekalkan atau mengambil minuman keras serta apa-apa bahan yang boleh menyebabkan mabuk atau khayal;

- 2.11 Memakai pakaian seragam institusi lain dengan tujuan menyamar atau menceroboh institusi pendidikan lain;
- 2.12 Membawa, memiliki, menggunakan, mengedar atau terlibat dengan dadah, racun terkawal, bahan inhalan atau bahan terlarang yang lain;
- 2.13 Merosakkan harta benda milik IBTE, Kerajaan, orang awam, tenaga pengajar, kakitangan atau pelajar;
- 2.14 Mencuri, memiliki, menyimpan atau mengendalikan harta benda yang diketahui atau disyaki sebagai barang curi;
- 2.15 Memukul, mengancam, melakukan peras ugut, membuli atau melakukan gangguan terhadap tenaga pengajar, kakitangan atau pelajar;
- 2.16 Menganjurkan atau melibatkan diri dalam aktiviti kebudayaan yang bertentangan dengan nilai dan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), termasuk pertandingan ratu cantik atau aktiviti seumpamanya di dalam atau luar negara;
- 2.17 Melibatkan diri dalam tunjuk perasaan, perhimpunan haram, kegiatan haram, kegiatan subversif atau kumpulan yang menyalahi undang-undang;
- 2.18 Terlibat dalam kegiatan atau penyebaran ajaran yang bercanggah dengan ajaran Islam atau yang diisytiharkan sebagai ajaran sesat oleh pihak berkuasa yang berkenaan;
- 2.19 Membawa, memiliki, mengedar, menghasilkan atau menggunakan senjata, alat atau bahan yang berbahaya;
- 2.20 Mencederakan atau menyebabkan kecederaan kepada orang lain dengan menggunakan senjata, alat atau bahan berbahaya;
- 2.21 Menyalahgunakan nama atau identiti IBTE bagi mendapatkan kepentingan peribadi atau kumpulan tanpa kebenaran pihak institusi;
- 2.22 Menghina, mempersendakan atau memperlekehkan ayat-ayat suci Al-Quran, Rasulullah Sallallahu 'Alaihi Wassalam atau perkara-perkara yang berkaitan dengan agama Islam;
- 2.23 Terlibat dalam kegiatan pelacuran, menjadi perempuan atau lelaki simpanan, atau apa-apa bentuk perlakuan tidak bermoral yang bertentangan dengan nilai dan etika masyarakat;
- 2.24 Berkhalwat atau melakukan perlakuan tidak sopan seperti bercumbuan;
- 2.25 Melakukan zina, liwat atau perlakuan seksual yang menyalahi undang-undang dan syariat Islam;
- 2.26 Merogol, melakukan percubaan merogol atau mencabul kehormatan tenaga pengajar, kakitangan atau pelajar;

- 2.27 Mengandung di luar perkahwinan yang sah menurut undang-undang yang berkuat kuasa di Negara Brunei Darussalam;
- 2.28 Melakukan plagiat (plagiarisme), peniruan atau apa-apa bentuk ketidakjujuran akademik dalam penilaian, peperiksaan, tugas atau kerja kursus;
- 2.29 Apa-apa kesalahan lain yang pada pandangan pihak IBTE mempunyai tahap keseriusan yang setara dengan kesalahan berat dan wajar diklasifikasikan sebagai kesalahan berat.